



## **PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)**

### **MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH**

**IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN**

**MODUL BAHASA MELAYU**

**BMM 3101**

**PENGAJIAN SUKATAN PELAJARAN BAHASA MELAYU  
SEKOLAH RENDAH**



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,  
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,  
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

**Berkuat kuasa pada Jun 2011**



## Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangsan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.



## Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Jun 2011  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

**MODUL INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.**

**MODUL INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.**

Cetakan Jun 2011  
Institut Pendidikan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia

## KANDUNGAN

- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Falsafah Pendidikan Guru
- Kandungan
- Panduan Pelajar
- Agihan Tajuk
- Tajuk Pembelajaran
  - Tajuk 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kandungan
  - Tajuk 2: Kemahiran Mendengar dan Bertutur
  - Tajuk 3: Kemahiran Mendengar dan Bertutur
  - Tajuk 4: Kemahiran Membaca
  - Tajuk 5: Kemahiran Menulis
  - Tajuk 6: Pengenalan Huraian Sukatan Pelajaran Tahap 1
  - Tajuk 7: Pengenalan Huraian Sukatan Pelajaran Tahap 2
  - Tajuk 8: Konsep Penggabungjalinan dan Penyerapan ('5P')
  - Tajuk 9: Konsep Pengayaan, Pemulihan dan Penilaian ('5P')
  - Tajuk 10: Pengisian Kurikulum: Ilmu, Nilai, Kewarganegaraan, Peraturan Sosiobudaya
  - Tajuk 11: Kemahiran Bernilai Tambah: Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Belajar Cara Belajar
  - Tajuk 12: Kemahiran Bernilai Tambah: Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Kecerdasan Pelbagai
  - Tajuk 13: Kemahiran Bernilai Tambah: Konstruktivisme dan Kontekstual
  - Tajuk 14: Kemahiran Bernilai Tambah: Kajian Masa Depan
  - Tajuk 15: Sistem Bahasa
- Rujukan
- Panel Penulis Modul
- Panel Pemurni Modul
- Ikon Modul

## PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah kendiri ini. Modul ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

**Pembelajaran arah kendiri** memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran kendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran kendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial.

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

### **Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.**

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.

5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelanjaraan anda.



## Pengenalan

Kursus Pengajian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (BMM 3101) merupakan sebahagian daripada kursus dalam Program Pensiwazahan Guru Sekolah Rendah.

Para pelajar akan mempelajari tajuk-tajuk berkenaan dalam modul ini yang meliputi:-

- Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat, Objektif dan Organisasi Kandungan.
- Konsep Penggabungjalinan dan Penyerapan (“5P”)
- Konsep Pengayaan, Pemulihan dan Penilaian (“5P”)
- Kemahiran Bernilai Tambah: Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Belajar Cara Belajar
- Kemahiran Bernilai Tambah: Kajian Masa Depan

Sepanjang mengikuti modul ini, para pelajar akan melaksanakan latihan dan aktiviti bagi setiap tajuk dan diakhirnya pula para pelajar akan melaksanakan 2 latihan utama modul ini sebagai memenuhi aspek penilaian dalam proses pelengkap modul akses kendiri ini.

## AGIHAN TAJUK

**Nama Kursus : Pengajian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah**  
**Kod : BMM3101**

Kandungan modul ini dibahagi kepada 15 tajuk/topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK / TOPIK	KANDUNGAN	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	Tajuk 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kandungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Perkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat dan objektif Sukatan Pelajaran</li> <li>✓ Objektif: mendengar-bertutur, membaca, menulis</li> <li>✓ Organisasi kandungan: kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, pengisian kurikulum</li> </ul>	3
	Tajuk 2: Kemahiran Mendengar dan Bertutur	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kemahiran 1.0-2.0</li> <li>✓ Penghuraian hasil pembelajaran</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	
	Tajuk 3: Kemahiran Mendengar dan Bertutur	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kemahiran 3.0-4.0</li> <li>✓ Penghuraian hasil pembelajaran</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	
2	Tajuk 4: Kemahiran Membaca	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kemahiran 5.0-7.0</li> <li>✓ Penghuraian hasil pembelajaran</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	3
	Tajuk 5: Kemahiran Menulis	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kemahiran 8.0-11.0</li> <li>✓ Penghuraian hasil pembelajaran</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	
	Tajuk 6: Pengenalan Huraian Sukatan Pelajaran Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Hasil pembelajaran</li> <li>✓ Aras pembelajaran</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	

	Tajuk 7: Pengenalan Huraian Sukatan Pelajaran Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Hasil pembelajaran</li> <li>✓ Aras pembelajaran</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	3
3	Tajuk 8: Konsep Peng gabung jalinan dan Penyerapan ('5P')	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan peng gabung jalinan dan penyerapan</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	3
	Tajuk 9: Konsep Pengayaan, Pemulihan dan Penilaian ('5P')	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan pengayaan, pemulihan dan penilaian</li> <li>✓ Contoh aktiviti</li> </ul>	3
	Tajuk 10: Pengisian Kurikulum: Ilmu, Nilai, Kewarganegaraan, Peraturan Sosiod budaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan</li> <li>✓ Contoh pengisian kurikulum</li> </ul>	3
4	Tajuk 11: Kemahiran Bernilai Tambah: Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Belajar Cara Belajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan</li> <li>✓ Contoh aktiviti dalam p&amp;p Bahasa Melayu</li> </ul>	3
	Tajuk 12: Kemahiran Bernilai Tambah: Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Kecerdasan Pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan</li> <li>✓ Contoh aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu</li> </ul>	3
	Tajuk 13: Kemahiran Bernilai Tambah: Konstruktivisme dan Kontekstual	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan</li> <li>✓ Contoh aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu</li> </ul>	3
5	Tajuk 14: Kemahiran Bernilai Tambah: Kajian Masa Depan	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Takrifan</li> <li>✓ Aplikasi dalam langkah pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah</li> </ul>	3
	Tajuk 15: Sistem Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Tatabahasa</li> <li>✓ Sistem ejaan, sebutan, dan intonasi</li> <li>✓ Kosa kata dan peribahasa</li> </ul>	3
<b>JUMLAH</b>			<b>45</b>

<b>TAJUK 1</b>	<b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN, MATLAMAT, OBJEKTIF, DAN ORGANISASI KANDUNGAN</b>
----------------	---

### **1.1 Sipnosis**

Tajuk ini disusun untuk membolehkan pelajar mengetahui dan mendalami Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat, Objektif dan Organisasi Kandungannya. Dalam unit ini, pelajar akan dipandu untuk memahami bagaimana Falsafah Pendidikan Negara mempunyai perkaitan dan dimanifestasikan dalam objektif dan sukanan pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. Objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu juga akan dibincangkan melibatkan empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam aspek organisasi kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah, aspek kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa dan juga pengisian kurikulum juga akan dibincangkan.

### **1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Menghuraikan dan menjelaskan falsafah, objektif dan organisasi kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.
- ii. Menganalisis dan menghuraikan objektif sukanan pelajaran yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
- iii. Menganalisis dan menghuraikan organisasi kandungan iaitu kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa dan pengisian kurikulum.

### **1.3 Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Apakah yang dimaksudkan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan?

*Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.*

**Aktiviti 1**

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan “insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani?”
- ii. Bagaimanakah aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani diaplikasikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah?
- iii. Apakah unsur-unsur FPK yang mempunyai perkaitan dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah?

## 1.4 Sukatan Pelajaran

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberikan tumpuan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Sukatan Pelajaran ini memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid. Sukatan Pelajaran ini juga memberikan gambaran yang menyeluruh tentang kurikulum Bahasa Melayu. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah mengandungi Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kandungan. Organisasi Kandungan merangkumi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum.

Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah menyediakan kandungan pengajaran dan pembelajaran bagi enam tahun persekolahan. Kandungan Sukatan Pelajaran ini diperincikan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah bagi setiap tahun, iaitu dari tahun satu hingga tahun enam.

### 1.4.1 Matlamat

Matlamat Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah adalah untuk melengkapkan mereka dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian.

**Aktiviti 2**

- i. Bincangkan bagaimana keterampilan berbahasa dan berkomunikasi boleh direalisasikan dalam kalangan murid di sekolah. Tugasan anda boleh dibincangkan dalam kumpulan dan dibentangkan di hadapan kelas.


**1.4.2 Objektif**

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah, murid dapat:

- i. mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;
- ii. bertutur dengan petah, menggunakan sebutan, dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan bukan sastera dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;
- v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;
- vi. memperkembang imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca, dan menulis;
- vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai penulisan jenis kreatif dan berunsur pengetahuan dengan menggunakan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;
- viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, tatabahasa, ejaan, kosa, serta sebutan dan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;
- ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya bukan sastera; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan.

### 1.4.3 Organisasi Kandungan

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang digubal berfokuskan hasil pembelajaran ini, adalah berteraskan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Hasil pembelajaran juga menggabungkan peraturan dalam sistem bahasa dan disokong oleh elemen pengisian kurikulum.



Rajah 1: Organisasi Kandungan

#### a. Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras penguasaan bahasa baku.

##### i. Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

**ii. Kemahiran Bertutur**

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid berbicara untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

**iii. Kemahiran Membaca**

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

**iv. Kemahiran Menulis**

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas, cantik, dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan berunsur pengetahuan dan imaginatif.

Penguasaan kemahiran bahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi bahan prosa, puisi, dan grafik.

**b. Hasil Pembelajaran**

Hasil Pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum Bahasa Melayu bagi membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**HASIL PEMBELAJARAN**


- ✓ Ditafsirkan daripada objektif kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah
- ✓ Petunjuk tentang kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid
- ✓ Membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran
- ✓ Dapat dicapai dengan menggabunggalinkan kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum
- ✓ Membantu guru membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid

**Nota:**

*Semua hasil pembelajaran dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah adalah untuk dikuasai oleh murid. Guru hanya bertindak sebagai fasilitator.*

**c. Sistem Bahasa**


Sistem bahasa merujuk Bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa.



Rajah 2: Sistem Bahasa

d. **Pengisian Kurikulum**

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernalih tambah.



Rajah 3: Komponen Pengisian Kurikulum

i. **Ilmu**

Pengetahuan merangkumi pelbagai bidang ilmu. Contohnya, ilmu bidang sains, geografi, sejarah, dan lain-lain dapat digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Isu semasa juga boleh dimasukkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii. **Nilai**


Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Melalui nilai murni, akan membentuk generasi yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia.

### iii. Kewarganegaraan

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

### iv. Kemahiran Bernilai Tambah


Kemahiran Bernilai Tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global.



Rajah 4: Komponen Kemahiran Bernilai Tambah

v. **Peraturan Sosiobudaya**

Peraturan sosiobudaya yang dikemukakan dalam kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Melayu.



Rajah 5: Komponen Peraturan Sosiobudaya

**Aktiviti 3**

1. Huraikan perkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.
2. Bina satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan tatabahasa.

**TAJUK 2**

**KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR**

**1.1 Sinopsis**

Kemahiran mendengar dan bertutur merujuk kepada keupayaan murid memahami perkara yang didengar dan ditutur dalam pelbagai situasi pengucapan sama ada perbualan harian atau situasi formal. Kemahiran ini bertujuan untuk menimbulkan kemesraan dan mengeratkan persahabatan serta dapat membincangkan topik yang mencabar. Semua perbualan harus mengambil kira aspek sosiobudaya dan tatasusila untuk menjamin kesejahteraan hubungan.

**1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. membezakan hasil pembelajaran 1.0 dengan 2.0
- ii. menghuraikan hasil pembelajaran
- iii. memberikan contoh aktiviti yang sesuai dengan hasil pembelajaran

**1.3 Hasil Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur 1.0 dan 2.0**

- 1.0 Berbual dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal

Huraian:

Berbual bermaksud bercakap-cakap tentang pelbagai perkara secara santai dengan keluarga dan rakan sebaya dalam situasi tidak formal. Contohnya, bertanya khabar dalam kalangan ahli keluarga.

Bagi keadaan formal pula, berbual bermaksud bercakap-cakap tentang pelbagai dengan pihak lain yang tidak dikenali. Contohnya berlakon dengan menggunakan kata panggilan yang sesuai mengikut situasi.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 1.0, terdapat enam hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, dan 1.6.*

Aktiviti 1

- i. Pilih dua hasil pembelajaran khusus yang berlainan. Huraikan hasil pembelajaran khusus yang berkenaan dan bina aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.

- 2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca, atau dialami

Huraian:

Bercerita bermaksud murid menyampaikan cerita yang mereka dengar, lihat atau tonton atau yang mereka baca dan yang mereka alami sendiri. Contohnya, murid menceritakan semula cerita yang telah ditontonnya dengan menggunakan gaya bercerita yang tersendiri.

Melaporkan pula bermaksud murid dapat menyampaikan maklumat berdasarkan sesuatu perkara yang mereka dengar, baca, tonton, atau mereka alami sendiri. Contohnya, murid melaporkan maklumat hasil daripada tugas berkumpulan tentang tokoh sejarah yang telah mereka kaji daripada pelbagai sumber.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 2.0, terdapat dua hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 2.1 dan 2.2.*

Aktiviti 2

- i. Berdasarkan kedua-dua hasil pembelajaran khusus di atas, cadangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan.

**TAJUK 3**

**KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR**

**1.1 Sinopsis**

Kemahiran mendengar dan bertutur merujuk kepada keupayaan murid memahami perkara yang didengar dan ditutur dalam pelbagai situasi pengucapan sama ada perbualan harian atau situasi formal. Kemahiran ini bertujuan untuk menimbulkan kemesraan dan mengeratkan persahabatan serta dapat membincangkan topik yang mencabar. Semua perbualan harus mengambil kira aspek sosiobudaya dan tatususila untuk menjamin kesejahteraan hubungan.

**1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. membezakan hasil pembelajaran 3.0 dengan 4.0
- ii. menghuraikan hasil pembelajaran
- iii. memberikan contoh aktiviti yang sesuai dengan hasil pembelajaran

**1.3 Hasil Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur 3.0 dan 4.0**

- 3.0 Menyampaikan maklumat kepada pihak lain dengan pengucapan yang mudah, betul, menarik, dan berkesan

Huraian:

Menyampaikan maklumat bermaksud murid boleh menghuraikan dan menyampaikan maklumat kepada pihak lain dengan menggunakan bahasa yang betul, menarik dan berkesan. Contohnya, murid dapat mengadakan simulasi bagi mempengerusikan mesyuarat persatuan.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 3.0, terdapat tiga hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 3.1, 3.2, dan 3.3.*

**Aktiviti 1**

- i. Berdasarkan ketiga-tiga hasil pembelajaran khusus di atas, bina aktiviti yang melibatkan teknik simulasi, main peranan, dan mendeklamasikan sajak.

- 4.0 Berbincang tentang tajuk-tajuk yang relevan secara bertatusila

Huraian:

Berbincang bermaksud mengemukakan idea dan hujah yang sesuai dengan konteks secara bertatusila. Contohnya, murid berbincang dalam kumpulan untuk menolak atau menyokong sesuatu pendapat bagi mematahkan hujah lawan dengan alasan yang relevan dan nada yang sesuai.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 4.0, terdapat empat hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 4.1, 4.2, 4.3, dan 4.4.*

**Aktiviti 2**

- i. Berdasarkan dua hasil pembelajaran khusus, laksanakanlah aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas anda. Kenal pasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam sesi tersebut. Cadangkan cara-cara untuk mengatasi kelemahan tersebut. Hasil tugasan hendaklah dibuat dalam bentuk persembahan slaid untuk dibentang semasa interaksi.

**TAJUK 4**

**KEMAHIRAN MEMBACA**

**1.1 Sinopsis**

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca bahan sastera dan bukan sastera dengan sebutan, intonasi, dan kelancaran yang betul dan memahami ayat dan teks yang dibaca. Penekanan diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan kandungan teks secara kritis. Pelbagai teknik membaca diajarkan kepada murid untuk memastikan keefisienan membaca. Hasil pembelajaran bagi kemahiran membaca ialah membaca kuat, membaca dan memahami maklumat, serta membaca, menaakul, dan menghayati teks.

**1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. membezakan hasil pembelajaran 5.0 dengan 6.0 dan 7.0
- ii. menghuraikan hasil pembelajaran
- iii. memberikan contoh aktiviti yang sesuai dengan hasil pembelajaran

**1.3 Hasil Pembelajaran Kemahiran Membaca 5.0, 6.0, dan 7.0**

- 5.0 Membaca kuat dengan kelancaran sebutan, intonasi, dan gaya pembacaan yang sesuai.

Huraian:

Membaca kuat bermaksud membaca dengan mengeluarkan suara untuk menentukan sebutan, intonasi, dan gaya pembacaan yang betul. Contohnya, membaca kuat petikan yang mempunyai pelbagai jenis ayat dalam teks prosa dan puisi serta murid boleh menjawab soalan pemahaman.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 5.0, terdapat dua hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 5.1 dan 5.2.*

Aktiviti 1

- i. Huraikan hasil pembelajaran 5.0.

6.0 Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks

Huraian:

Membaca bermaksud membaca secara senyap untuk memahami maklumat yang terdapat dalam teks prosa dan puisi. Contohnya, aktiviti membaca secara luncuran dan imbasan untuk mendapatkan maklumat daripada teks sastera yang diberikan.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 6.0, terdapat enam hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 6.1, 6.2, 6.3, 6.4, 6.5 dan 6.6.*

Aktiviti 2

- i. Buat perbandingan hasil pembelajaran khusus 6.4 dengan 6.5 dari aspek teknik membaca.

7.0 Membaca, menaakul, dan menghayati kandungan teks yang dibaca

Huraian:

Membaca dan menerangkan maksud kandungan teks yang tersurat dan tersirat. Contohnya, aktiviti mengenal pasti dan menghayati isi kandungan teks yang dibaca.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 7.0, terdapat tiga hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 7.1, 7.2 dan 7.3.*

Aktiviti 3

- i. Pilih sebuah buku yang anda minati. Huraikan isi yang tersurat dan tersirat daripada buku tersebut untuk dipersembahkan kepada kelas semasa interaksi.

**TAJUK 5**

**KEMAHIRAN MENULIS**

**1.1 Sinopsis**

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan membina ayat, serta dapat mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan. Ini termasuk penulisan tentang pengalaman peribadi yang telah dilalui, bahan sastera serta bahan berunsur ilmu. Penulisan hendaklah menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca, dan ejaan yang betul. Tulisan berangkai yang jelas, kemas, dan cantik hendaklah digalakkan. Hasil pembelajaran bagi kemahiran menulis ialah kebolehan menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana, mencatat dan menyusun maklumat, menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif, dan membuat ulasan.

**1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. membezakan hasil pembelajaran 8.0 dengan 9.0, 10.0, dan 11.0
- ii. menghuraikan hasil pembelajaran
- iii. memberikan contoh aktiviti yang sesuai dengan hasil pembelajaran

**1.3 Hasil Pembelajaran Kemahiran Menulis 8.0, 9.0, 10.0, dan 11.0**

8.0 Menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam penulisan

Huraian:

Murid diberi bimbingan untuk menuliskan pelbagai jenis ayat dalam penulisan. Contohnya, aktiviti membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam sesuatu penulisan dan menggunakan pelbagai wacana.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 8.0, terdapat enam hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, dan 8.6.*

**Aktiviti 1**

- i. Bina dua perenggan yang mengandungi ayat tunggal, ayat majmuk, dan penanda wacana yang sesuai.

9.0 Mencatat dan menyusun maklumat

Huraian:

Murid mencatat dan menyusun maklumat daripada pelbagai sumber. Contohnya dalam aktiviti menulis iklan.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 9.0, terdapat tiga hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 9.1, 9.2, dan 9.3.*

**Aktiviti 2**

- i. Hasilkan brosur berkaitan pelancongan di tempat anda.

10.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif

Huraian:

Murid menghasilkan prosa dan puisi dengan bimbingan guru. Contohnya, murid diminta membuat transformasi maklumat daripada lirik sebuah lagu menjadi sebuah teks cerita pendek berbentuk penulisan.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 10.0, terdapat tiga hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 10.1, 10.2, dan 10.3.*

**Aktiviti 3**

- i. Hasilkan sebuah cerpen yang bertemakan kehidupan seorang guru untuk diterbitkan.

11.0 Membuat ulasan tentang bahan yang didengar, ditonton, atau dibaca

Huraian:

Murid menulis ulasan berkenaan karya daripada bahan sastera dan bahan bukan sastera. Contohnya, dalam aktiviti membuat ulasan tentang cerpen yang dibaca.

**Nota:**

*Bagi hasil pembelajaran 11.0, terdapat empat hasil pembelajaran khusus yang ditandai dengan 11.0, 11.2, 11.3, dan 11.4.*

**Aktiviti 4**

- i. Tuliskan ulasan dari aspek tema dan persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran, dan gaya bahasa tentang sebuah filem atau drama yang pernah anda tonton untuk dipersembahkan dalam kelas semasa interaksi.

<b>TAJUK 6 DAN TAJUK 7</b>	<b>PENGENALAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN TAHAP SATU DAN TAHAP DUA</b>
------------------------------------	--

### **1.1 Sinopsis**

Topik ini memfokuskan kepada pengenalan tentang Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahap Satu dan Tahap Dua.

### **1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda dapat:

- i. memahami kandungan HSP Bahasa Melayu Tahap Satu dan Tahap Dua
- ii. menghuraikan kandungan HSP Bahasa Melayu Tahap Satu dan Tahap Dua

### **1.3 Huraian Sukatan Pelajaran**

Maklumat-maklumat yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran

- i. Disediakan bagi setiap tahun pembelajaran
- ii. Mengandungi objektif khusus pembelajaran
- iii. Mengandungi organisasi kandungan iaitu Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum
- iv. Mengandungi tiga jalur iaitu lajur Hasil Pembelajaran dan Kemahiran lajur Huraian Hasil Pembelajaran, dan lajur Cadangan Aktiviti
- v. Lajur Huraian Hasil Pembelajaran memperincikan Kemahiran Bahasa kepada tiga aras pembelajaran – Aras 1, Aras 2, dan Aras 3
- vi. Aras 1 – Aras kemahiran asas
- Aras 2 – Aras kemahiran sederhana
- Aras 3 – Aras kemahiran tertinggi

*Nota: Sila rujuk Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) tahun berkenaan*

#### **1.4 Penerangan Tentang Huraian Sukatan Pelajaran**

Perincian sukatan pelajaran dihuraikan dalam dokumen yang dikenali sebagai Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) bagi setiap tahun persekolahan.

Huraian Sukatan Pelajaran dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama ialah pernyataan Hasil Pembelajaran seperti yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran. Lajur kedua ialah Huraian Hasil Pembelajaran, dan Lajur ketiga ialah Cadangan Aktiviti / Nota.

##### **i. Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran dalam lajur satu ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang set kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran bahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, hasil pembelajaran dapat dicapai dengan menggabungjalinkan keempat-empat kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum.

Hasil pembelajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur merangkumi kemahiran berbual, bercerita, menyampaikan maklumat , dan berbincang. Kemahiran membaca pula memberikan penekanan pada kemahiran membaca kuat, membaca dan memahami maklumat serta membaca, menaakul, dan menghayati teks yang dibaca. Bagi kemahiran menulis, tumpuan diberikan pada kemahiran menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam menghasilkan penulisan. Penekanan juga diberikan pada kemahiran mencatat dan menyusun maklumat serta menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif. Murid juga dilatih untuk membuat ulasan tentang penulisan yang dihasilkan oleh penulis lain.

##### **ii. Huraian Hasil Pembelajaran**

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur kedua menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Aras 1 ialah aras paling asas atau minimum yang harus dicapai oleh semua murid.

Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berpencapaian sederhana manakala Aras 3 ialah aras paling tinggi bagi murid yang berpencapaian cemerlang. Pemeringkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran masteri dan membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berpencapaian rendah. Apabila murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2 dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbang lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

**iii. Cadangan Aktiviti / Nota**

Cadangan Aktiviti/ Nota dalam lajur ketiga mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan menggunakan kajian masa depan dan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid. Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan untuk guru. Guru boleh mengubah suai atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

**Aktiviti**

Sila buat pemetaaan maklumat yang terdapat dalam HSP Bahasa Melayu Tahap Satu atau Tahap Dua. Untuk menyempurnakan tugas ini, anda perlulah merujuk HSP Tahun 1, 2, atau 3 bagi Tahap Satu dan HSP Tahun 4, 5, atau 6 bagi Tahap Dua

### 1.1 Sipnosis

Tajuk ini membincangkan konsep dan jenis penggabungjalinan dan menjelaskan konsep dan bentuk penyerapan yang perlu dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas KBSR.


### 1.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, para pelajar dapat:

- i. Melaksanakan aktiviti gabungjalin dalam pengajaran Bahasa Melayu.
- ii. Melaksanakan aktiviti penyerapan pelbagai unsur dalam pengajaran Bahasa Melayu.

### 1.3 Konsep 5P

Apakah yang dimaksudkan dengan konsep 5P? Konsep ini merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Konsep 5P juga merupakan satu saranan supaya bidang kemahiran atau bahan pengajaran dan pembelajaran disampaikan secara bersepadu dan tidak secara berasingan. Konsep 5P menekankan penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pengayaan, dan pemulihan.



*Rajah 1: Konsep 5P*

#### **1.4 Penggabungjalinan**

Apakah yang anda faham tentang penggabungjalinan?

Penggabungjalinan ialah satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang menyarankan supaya bidang kemahiran yang berkait rapat atau bahan pengajaran yang mempunyai urutan yang baik tidak disampaikan secara berasingan. Strategi ini berhasrat untuk menjadikan aspek kemahiran saling memperkuuh dan bahan pengajaran saling melengkapi. Dalam hal ini, sesi pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan.

##### **1.4.1 Tujuan strategi penggabungjalinan seperti yang berikut:**

- a. Kemahiran dapat dikuasai secara serentak.
- b. Bentuk pengajaran lebih menarik dan berkesan.
- c. Berpeluang untuk menggunakan kemahiran secara semula jadi.
- d. Aktiviti melibatkan pelbagai kemahiran dan ramai pelajar.


##### **1.4.2 Prinsip-prinsip penggabungjalinan**

- Mudah ubah, bergantung kepada matlamat dan objektif yang hendak dicapai.
- Guru mesti tahu apa dan berapa kemahiran yang ingin digabungjalinkan.
- Kemahiran fokus dan sampingan hendaklah dirancang dengan baik.
- Berdasarkan kebolehan dan pencapaian pelajar.

### 1.4.3 Bentuk-bentuk penggabungjalinan


Ada 3 bentuk penggabungjalinan :

- i. Penggabungjalinan Kemahiran



K1-Kemahiran Mendengar  
K2-Kemahiran Bertutur  
K3-Kemahiran Membaca  
K4-Kemahiran Menulis  
BM-Bahasa Melayu

Rajah 2: Penggabungjalinan Kemahiran Bahasa dalam Satu Mata Pelajaran



K1-Kemahiran Bahasa  
K2-Kemahiran Muzik  
K3-Kemahiran Seni  
BM-Bahasa Melayu

Rajah 3: Penggabungjalinan Kemahiran Lebih daripada Satu Mata Pelajaran

## ii. Penggabungjalinan Aktiviti

Anda boleh menggabungjalinkan sekurang-kurangnya dua aktiviti atau lebih mengikut keperluan dan kesesuaian. Aktiviti-aktiviti itu merangkumi aspek kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis.

Aktiviti		
Mendengar dan Bertutur	Membaca	Menulis
Berbual Berbincang Bertemu ramah Berbahas Berceramah Bercerita Berlakon	Memaham Mengesan isi penting Meringkas Membuat ayat Memberi makna Menghurai makna	Karangan Laporan Ulasan Ucapan Arahan Iklan Mencatat isi

*Jadual 1: Penggabungjalinan Aktiviti*

Untuk melaksanakan penggabungjalinan, anda perlu merancangkannya dengan aktiviti-aktiviti yang mempunyai urutan yang baik.

Contoh:

- a. Berceramah → mencatat isi
- b. Bercerita → berbincang → menulis karangan
- c. Membaca → mengesan isi → mengulas → menulis ulasan

### iii. Penggabungjalinan Bahan

Penggabungjalinan ini memberikan tumpuan kepada bahan atau tema pengajaran dan pembelajaran. Bahan itu boleh terdiri daripada bahan utama atau bahan sokongan. Perancangan harus dibuat bagi menentukan bahan yang dipilih sesuai dengan keperluan, pengalaman, dan tahap pencapaian murid. Antara bahan yang boleh digabungjalinkan itu adalah seperti yang berikut:

Bahan		
Bahan utama (Petikan)	Bahan sokongan (Bahan rangsangan)	Bahan lisan (Rakaman)
Rencana Laporan Berita Ucapan Pengumuman Ulasan Iklan	Gambar Data Rajah Graf Carta	Ucapan Ulasan Komentar Laporan Temu bual Pengumuman

*Jadual 2: Penggabungjalinan Bahan*

Penggabungjalinkan bahan-bahan ini boleh dilakukan mengikut keperluan masa yang diperuntukkan, pertalian bahan, dan urutan aktiviti yang bersesuaian.

Lihat contoh yang berikut:

1. Berita → ulasan
2. Iklan → surat permohonan → temu duga → surat jawapan.

Contoh penggabungjalinan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu

**Tajuk pelajaran : Jasa Ibu**

**Langkah 1:**

Murid mendeklamasikan sajak bertajuk “Jasa Ibu”.

**Langkah 2:**

Berdasarkan sajak di atas, murid bercerita tentang jasa ibu mereka.

**Langkah 3:**

Murid berbincang dalam kumpulan tentang bagaimana membalas jasa ibu.

**Langkah 4:**

Murid menulis satu peranggan tentang keistimewaan ibu mereka.

**Langkah 5:**

Murid menghantar hasil karangan tersebut kepada ibu bapa mereka menerusi mel elektronik.

**Penutup :**

Murid menyanyi lagu “Ibu” nyanyian P. Ramlee dengan pergerakan yang sesuai.

## 1.5 Penyerapan

Penyerapan merupakan proses penyebatian dan menyatupadukan pengetahuan atau unsur pengetahuan daripada satu mata pelajaran lain sebagai isi pelajaran bagi sesuatu mata pelajaran yang diajar. Dalam pengajaran Bahasa Melayu unsur ilmu, nilai, dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar, dan kajian masa depan boleh diserapkan.

Dalam program KBSR, penyerapan boleh dilihat dalam dua aspek utama, iaitu aspek pembelajaran dan aspek komunikasi.

### **1.5.1 Tujuan Penyerapan.**

Aspek ini boleh membantu murid untuk :

- a. Menambahkan kefahaman dan kemahiran untuk mematuhi arahan dan peraturan melalui aktiviti yang dijalankan;
- b. Membentuk sikap ingin menambahkan ilmu pengetahuan;
- c. Meluaskan ruang untuk meneroka bidang ilmu yang mereka minati;
- d. Memupuk corak pemikiran yang terbuka dan sentiasa ingin tahu;
- e. Membentuk pemikiran yang rasional, logik, objektif, dan positif; dan
- f. Meluaskan ruang untuk meneroka bidang ilmu yang diminati.
- g. Membantu murid menguasai pengetahuan tentang penggunaan perbendaharaan kata, pemilihan laras bahasa, tatabahasa, kegunaan intonasi, dan perlakuan bukan bahasa yang lain mengikut konteks;
- h. Memahami dan menerima serta mengamalkan aspek nilai yang sesuai untuk perkembangan diri; dan
- i. Menguasai dan mengamalkan tingkah laku yang bersesuaian dan diterima oleh rakan sebaya dan masyarakat.

### **1.5.2 Unsur Penyerapan dalam pengajaran Bahasa Melayu.**

Terdapat lima unsur penyerapan, iaitu:

- i. Ilmu Pengetahuan.
  - Bahan atau kandungan isi pelajaran daripada mata pelajaran lain seperti Agama Islam, Pendidikan Moral, Pendidikan Seni, Matematik, Kajian Tempatan, Muzik, Sains, dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang digunakan sebagai isi kandungan dalam satu mata pelajaran untuk mata pelajaran lain.
  - Pelbagai karya sastera seperti pantun, syair, dan sajak.
  - Pengetahuan am seperti hal ehwal semasa dan hal ehwal dalam negeri.
  - Hal ehwal budaya, warisan, dan kemasyarakatan.

ii. Nilai murni.

Nilai murni boleh diserapkan dengan berbagai-bagai cara sepanjang pengajaran dan secara terancang dalam aktiviti pembelajaran. Strategi utama untuk pembinaan nilai murni ialah melalui aktiviti secara individu, berkumpulan, atau kelas.

Kadang kala nilai murni tidak dinyatakan secara terus, tetapi boleh disampaikan secara terancang dalam satu waktu pengajaran dan pembelajaran. Pemupukan nilai murni ini boleh dilakukan melalui aktiviti yang melibatkan murid secara aktif seperti gerak kerja kumpulan dan kerja projek.

Penyerapan nilai dalam pengajaran dapat melahirkan insan yang baik, berakhhlak mulia , berhemah tinggi, berperibadi mulia dan prihatin serta memahami antara satu dengan lain.

iii. Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dalam pengajaran Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat setia akan negara Malaysia. Aktiviti ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

iv. Peraturan sosio-budaya.

Peraturan sosio-budaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia. Peraturan sisiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

v. Kemahiran Bernilai Tambah.

Penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran bahasa bagi membolehkan pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran itu dalam dunia sebenar pelajar. Antara kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan dan kecerdasan pelbagai.

## Contoh aktiviti penyerapan dalam pengajaran Bahasa Melayu

Subjek: Bahasa Melayu  
Tahun: 4  
Tema: Keluargaku Sayang  
Tajuk: Keluarga Bahagia

### Hasil Pembelajaran:

8.2 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam sesuatu penulisan teks tentang sesuatu tajuk.

### Contoh aktiviti :

- Berdasarkan gambar keluarga, murid diminta menulis ayat tunggal dan ayat majmuk.
- Murid menyusun ayat tunggal dan ayat majmuk yang dibina menjadi sebuah cerita tentang ‘Keluarga Bahagia’.

### Aktiviti 1

- i. Bincangkan bersama rakan-rakan anda bagaimanakah proses pengaplikasian aktiviti penggabungjalinan dan penyerapan boleh membantu proses pembelajaran pelajar secara menyeluruh. Bentangkan hasil perbincangan anda.

### 1.1 Sinopsis

Tajuk ini akan menghuraikan konsep Pengayaan, Pemulihan, dan Penilaian yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Tiga konsep ini yang merupakan sebahagian daripada komponen Konsep 5P akan diterangkan secara khusus dan dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti sebagai contoh untuk menunjukkan bagaimana konsep ini diaplikasikan dalam P&P. Perbincangan, aktiviti dan latihan disediakan untuk memantapkan pemahaman anda mengenai tajuk ini.

### 1.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, para pelajar dapat:

- i. Menghuraikan konsep pengayaan, pemulihan dan penilaian dan hubungannya dengan P&P Bahasa Melayu.
- ii. Menghasilkan RPH yang menunjukkan konsep berkenaan dalam P&P.

### 1.3 Takrifan Pengayaan

Pengayaan adalah sejenis aktiviti pembelajaran yang menarik dan mencabar untuk memberi peluang kepada murid mengembangkan sifat ingin tahu, semangat berdiskusi, daya kreativiti, dan semangat kepemimpinan. Pengayaan disediakan untuk semua murid sama ada kumpulan cerdas, sederhana, atau lemah. Aktiviti pengayaan berlainan daripada aktiviti pembelajaran kemahiran asas. Aktiviti ini diberikan kepada murid selepas mereka berjaya menguasai kemahiran asas tertentu. Murid menggunakan kemahiran yang telah dikuasai untuk menjalankan aktiviti pengayaan. Aktiviti pengayaan akan meluaskan pengalaman dan pengetahuan murid sejajar dengan kebolehan dan minat mereka dalam bidang tertentu.

## **1.4 Objektif Pengayaan**

Di bawah ini, dicatatkan beberapa objektif pengayaan. Selepas membacanya, cuba bincangkan dengan rakan anda:

- a. Menggunakan kemahiran yang telah dikuasai dalam pelajaran biasa untuk memperluas pengalaman dan pengetahuan mereka dalam pelajaran tertentu;
- b. Melakukan kegiatan pembelajaran yang menarik dan mencabar kebolehan mereka;
- c. Melahirkan daya cipta melalui pemikiran dan kegiatan serta kebolehan untuk menilai sesuatu hasil kerja sendiri;
- d. Meminati dan menguasai bacaan luas dengan membuat rujukan terhadap pelbagai bahan dan sumber pengetahuan;
- e. Berminat untuk belajar sendiri dan berdikari untuk membolehkan mereka meneruskan pembelajaran seumur hidup.

## **1.5 Aktiviti Pengayaan**

Sebagai guru, anda perlu mengambil kira beberapa perkara semasa merancang aktiviti pengayaan. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- a. Menggunakan daya usaha sendiri;
- b. Membuat kerja sendiri dan hasilan kendiri;
- c. Memberikan penekanan kepada aktiviti yang bersifat kreatif dan eksperimental;
- d. Menggunakan kaedah dan organisasi yang mudah ubah
- e. Melibatkan pembacaan luas; dan
- f. Memberikan peluang bagi mengembangkan sifat kepimpinan sosial.

Program pengayaan boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti seperti:

- Kerja projek;
- Bacaan tambahan;
- Permainan dan rekreasi; dan
- Pembelajaran berbantuan komputer.

### Aktiviti 1

Bincangkan kepentingan aktiviti pengayaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

## **1.6 Takrifan Pemulihan**

Dalam konteks ini pemulihan dihubungkan dengan kanak-kanak yang menghadapi kesulitan pembelajaran. Pengajaran pemulihan merupakan langkah khas yang guru lakukan untuk membantu murid yang menghadapi masalah pembelajaran tertentu dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M). Sebaik sahaja masalah pembelajaran dikesan dan dikenal pasti, program ini akan dilaksanakan. Murid-murid dalam kategori pemulihan perlu didedahkan dengan aktiviti ini mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran supaya jurang perbezaan antara mereka dengan murid lain dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali.

## **1.7 Objektif program pemulihan**

Antara objektif strategi pemulihan ini adalah untuk membolehkan murid:

- a. Menguasai kemahiran tertentu dengan mengikuti aktiviti yang sesuai dengan mereka;
- b. Mendapat layanan dan kemudahan belajar yang sesuai dengan kemampuan dan perkembangan mental individu;
- c. Mengurangkan masalah yang dihadapi melalui bantuan guru;
- d. Mengembangkan potensi dan minat mereka dalam pelajaran ke taraf yang lebih maju;
- e. Mendapat peluang yang sama dengan melibatkan diri dalam aktiviti sosial sama ada di dalam atau di luar bilik darjah;
- f. Membina, memperoleh, dan mengembangkan sikap percayakan diri sendiri dan berdikari; dan
- g. Meneruskan pelajaran mereka dalam sistem persekolahan biasa yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

### Aktiviti 2:


Secara berpasangan, bincangkan kepentingan aktiviti pemulihan dalam suatu sesi pengajaran dan pembelajaran ?

## 1.8 Takrifan Penilaian

Stufflebeam et. al. (1971: xxv) menyatakan “penilaian” sebagai *the process of delineating, obtaining, and providing useful information for judging decision alternatives.*

Terry D. TenBrink (1974:8) pula menyatakan bahawa penilaian merupakan suatu proses mendapatkan maklumat yang akan digunakan untuk membuat pertimbangan yang seterusnya digunakan dalam membuat keputusan.

Sebagai rumusannya, penilaian merupakan satu proses atau aktiviti yang sistematik untuk memperoleh maklumat yang berguna dalam menentukan sesuatu prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam Bahasa Melayu KBSR, penilaian merupakan satu proses untuk menguji, mengukur, dan membuat pertimbangan mengenai kebolehan atau kemahiran dan kefahaman murid berdasarkan objektif P&P.



Rajah 1: Konsep Pengayaan, Pemulihan dan Penilaian

## 1.9 Jenis-jenis Penilaian

Terdapat dua jenis ujian, iaitu ujian formatif dan ujian sumatif. Perbezaan antara kedua-dua jenis tersebut pada asasnya berdasarkan skop kemahiran, jangka masa P&P atau objektif pengajaran dan pembelajaran yang hendak diuji.

### 1.9.1 Perbezaan ujian formatif dan sumatif

Perbezaan antara ujian formatif dan ujian sumatif dapat ditunjukkan menerusi jadual di bawah:

Ujian formatif	Perbezaan	Ujian sumatif
Maklum balas kepada pelajar dan guru tentang kemajuan dan kelemahan.	Fungsi	Pensijilan dan penggredan
Sepanjang pengajaran	Masa	Pada akhir unit/kursus
Kognitif, psikomotor dan afektif	Penekanan	Kognitif
Terhad kepada tugas	Sifat	Beraneka jenis
Berubah-ubah	Kesukaran	Senang-sukar
Dibentuk khas	Alat	Peperiksaan akhir tahun
Rujukan kriteria	Jenis ujian	Rujukan norma

*Jadual 1: Perbezaan antara ujian formatif dengan ujian sumatif*

## 1.10 Aktiviti Penilaian Bahasa

Bagaimanakah anda hendak menilai kemahiran bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran anda? Berikut merupakan contoh-contoh aktiviti yang boleh anda lakukan:

### 1.10.1 Penilaian Porfolio

Penilaian portfolio merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengumpul dan merekod bukti pencapaian pelajar dalam satu jangka masa yang dipersetujui bersama. Terdapat beberapa jenis portfolio untuk tujuan dan konteks pembelajaran yang berbeza iaitu:

- i. Portfolio Kerja Harian
- ii. Portfolio Hasil Terbaik
- iii. Portfolio Dokumen

Bagaimana menilai portfolio?

- i. Berdasarkan konsep perkembangan pembelajaran yang berterusan dan berfokuskan kepada perkembangan pelajar dalam aspek kemahiran-kemahiran, pengetahuan dan kefahaman.
- ii. Menggunakan peta perkembangan pembelajaran pelajar yang memberi gambaran perkembangan yang lebih menyeluruh dari awal hingga akhir.
- iii. Menggunakan inferens dengan rekod menimbang pelbagai bukti seperti hasil pemerhatian, jurnal dan rekod anekdot sebelum membuat anggaran seimbang (on-balance) tentang tahap pencapaian pelajar.
- iv. Membuat laporan samada secara huriaian atau grafik untuk memberi matlamat yang lebih lengkap dari markah mentah ujian yang hanya membandingkan seorang pelajar dengan pelajar lain sahaja.

Sebagai contoh, mari kita lihat bagaimana penilaian portfolio dilaksanakan dengan menggunakan peta perkembangan pembelajaran berkaitan penguasaan ejaan murid yang mempunyai lima tahap perkembangan. Setiap tahap telah ditentukan kriteria-kriteria yang perlu dikuasai oleh murid. Selepas murid menguasai setiap tahap, maka murid itu boleh meneruskan dengan tahap berikutnya sehingga sampai ke tahap lima, iaitu tahap yang terakhir.



E	5	Berdikari mengeja perkataan-perkataan
J	4	Mencantum suku kata dengan bimbingan guru
A	3	Membentuk suku kata
A	2	Menyebut bunyi huruf
N	1	Permulaan mengenal huruf

Rajah 2: Lima tahap perkembangan pembelajaran murid

### **1.10.2 Penilaian Melalui Pemerhatian.**

Beberapa perkara perlu diambil kira dalam melaksanakan proses pemerhatian.

Antaranya ialah:

- ✓ Kualiti Pemerhatian
- ✓ Bentuk Perancangan
- ✓ Jenis-jenis Pemerhatian

**Aktiviti 3:**

Bincangkan tentang kelebihan dan kelemahan kaedah penilaian portfolio.

**1.1 Takrifan Pengisian Kurikulum**

Pengisian kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernalih tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani.

**1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, para pelajar dapat:

- i. Melaksanakan aktiviti yang memfokuskan ilmu, nilai, kewarganegaraan, dan peraturan sosiobudaya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

**1.3 Konsep Ilmu**

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin. Contohnya ilmu dalam bidang sains, geografi dan lain-lain yang dapat digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pengetahuan juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

**1.4 Nilai**

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Keperihatinan dan pemahaman bahawa Malaysia ialah negara pelbagai budaya harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung. Ini seterusnya dilanjutkan kepada pemahaman di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

**1.5 Kewarganegaraan**

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

**1.6 Peraturan Sosiobudaya**

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa , dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia.

**Contoh aktiviti:**

Subjek: Bahasa Melayu  
Tahun: 5  
Tema: Kebersihan  
Tajuk: Kebersihan Alam Sekitar

Hasil Pembelajaran:

- 6.1 Membaca dan merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang sedang dikaji termasuk maklumat daripada internet.

Contoh aktiviti:

- Membaca petikan bertajuk 'Kebersihan Alam Sekitar'.
- Berbincang tentang petikan.
- Menulis rumusan perbincangan.
- Merujuk maklumat lanjut berkaitan tajuk petikan daripada sumber-sumber seperti Internet, ensiklopedia, dan kamus.

**Aktiviti:**

Pilih dua kemahiran bahasa yang berbeza. Bina aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, dan peraturan sosiobudaya. Bincangkan hasil dapatan daripada pembinaan aktiviti tersebut di dalam kelas.

<b>TAJUK 11</b>	<b>KEMAHIRAN BERNILAI TAMBAH: KEMAHIRAN BERFIKIR DAN KEMAHIRAN BELAJAR CARA BELAJAR</b>
-----------------	---

### **1.1 Sipnosis**

Tajuk ini membincangkan konsep kemahiran berfikir dan kemahiran belajar cara belajar yang perlu aplikasikan semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas KBSR.


### **1.2 Hasil pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu.
- ii. Melaksanakan aktiviti kemahiran belajar cara belajar dalam pengajaran Bahasa Melayu.

### **1.3 Konsep kemahiran bernalai tambah**

Kemahiran bernalai tambah ialah kemahiran yang diajarkan dalam bilik darjah, dan dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar murid dan dalam senario dunia yang global. Kemahiran bernalai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual.



*Rajah 1: Komponen Kemahiran Bernilai Tambah*

#### 1.4 Kemahiran Berfikir

Apakah yang anda faham tentang kemahiran berfikir?

Kemahiran berfikir diajarkan kepada pelajar melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

##### 1.4.1 Pengertian kemahiran berfikir

Kemahiran berfikir melibatkan pengelolaan operasi mental tertentu yang berlaku dalam minda atau sistem yang bertujuan menyelesaikan masalah. Kemahiran berfikir boleh juga bermaksud pembentukan idea, pembentukan semula pengalaman, dan penyusunan maklumat dalam bentuk tertentu. Kemahiran ini juga melibatkan kebolehan manusia untuk membentuk konsep, memberi sebab atau membuat keputusan berkaitan sesuatu perkara atau isu.

Berdasarkan pengertian di atas, kemahiran berfikir boleh dirumuskan sebagai proses menggunakan minda sama ada untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah.

#### **1.4.2 Proses berfikir**

Kebiasaananya apabila kita berhadapan dengan sesuatu perkara, misalnya sesuatu objek, kita secara automatik akan mula menyoal diri sendiri. Soalan-soalan yang mungkin kita tanyakan ialah:

- i. Apakah objek itu?
- ii. Apakah kegunaannya?
- iii. Bagaimanakah cara menggunakannya?
- iv. Adakah objek itu memberi manfaat?

Apabila kita menyoal diri sendiri dan berusaha mencari jawapannya, kita sebenarnya sedang mengalami proses berfikir. Untuk mencari jawapannya, kita boleh menggunakan aspek yang berikut:

- i. Pengetahuan (apa yang kita tahu tentang objek itu)
- ii. Kemahiran (menyoal diri sendiri tentang objek itu)
- iii. Sikap atau nilai (keinginan untuk mengetahui tentang objek itu)


Oleh yang demikian, proses berfikir melibatkan interaksi antara pengetahuan, kemahiran kognitif, dan sikap atau nilai.

#### **1.4.3 Model kemahiran berfikir**

Kemahiran berfikir boleh dibahagikan kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir secara kritis ialah kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat evalatif. Kemahiran berfikir secara kreatif pula ialah kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Idea baru terhasil melalui ilham atau gabungan idea-idea yang ada.

Strategi berfikir pula merupakan proses berfikir yang lebih tinggi peringkatnya dan mengandungi beberapa langkah yang melibatkan beberapa kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Kesemua kemahiran yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah pada akhirnya menuju ke arah mengkonsepsikan, membuat keputusan atau menyelesaikan masalah.

Manakala kemahiran berfikir menaakul adalah sebagai pelincir dalam membantu anda membuat pertimbangan secara logik dan rasional kepada semua kemahiran berfikir dan strategi berfikir.



Rajah 2: Model Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir dalam model ini telah disusun mengikut hierarki daripada kemahiran asas kepada kemahiran yang lebih kompleks. Dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran berfikir perlu diperkenalkan mengikut urutan. Pelajar perlu mempelajari dan menguasai kemahiran berfikir yang asas sebelum mempelajari kemahiran berfikir yang lebih kompleks. Hal ini bermakna, sekiranya dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran yang dipelajari adalah membuat urutan, pelajar seharusnya telah mempelajari dan menguasai kemahiran yang sebelumnya iaitu kemahiran mencirikan, membanding dan membeza, serta mengumpul dan mengelas.

#### 1.4.4 Langkah membuat keputusan

Langkah Membuat Keputusan	KB Utama
1. Mengenal pasti matlamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencirikan</li> <li>• Membanding beza</li> <li>• Mengumpul dan mengelas</li> <li>• Menganalisis</li> </ul>
2. Mengenal pasti alternatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjana idea</li> <li>• Membuat inferens</li> <li>• Menghubung kait</li> <li>• Meramal</li> <li>• Membuat hipotesis</li> </ul>
3. Menganalisis alternatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meramal</li> <li>• Membuat gambaran mental</li> <li>• Mengesan kecondongan</li> <li>• Menilai</li> </ul>
4. Menyusun alternatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mensintesis</li> <li>• Membuat urutan</li> <li>• Menyusun mengikut keutamaan</li> <li>• Menganalisis</li> </ul>
5. Memilih dua alternatif terbaik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mengitlak</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>
6. Membuat keputusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat kesimpulan</li> </ul>

*Jadual 1: Pelaksanaan Langkah Membuat Keputusan*

**Aktiviti**

Jam menunjukkan pukul 3.00 pagi. Hujan turun dengan lebat. Kilat sabung-menyabung. Tiba-tiba anda menerima panggilan kecemasan yang menyatakan ibu anda sakit tenat dan berada dalam keadaan nazak. Walaupun keadaan cuaca kurang baik anda terus memandu kereta menuju ke rumah ibu anda yang mengambil masa 60 minit untuk sampai. Dalam perjalanan, kereta anda harus sampai di rumah ibu anda secepat mungkin. Jarak perjalanan kira-kira 20 km lagi. Apa yang harus anda lakukan?

Berdasarkan situasi di atas,uraikan langkah demi langkah membuat keputusan yang terdapat dalam kemahiran berfikir.

## **1.5 Kemahiran Belajar Cara Belajar**

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

### **1.5.1 Definisi**

Kemahiran belajar cara belajar merupakan proses teknik pembelajaran sama ada bersama guru atau belajar secara bersendirian. Kemahiran belajar cara belajar bertujuan untuk menyediakan murid supaya berupaya belajar sendiri tanpa guru. Dengan demikian seseorang murid boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dalam proses pembelajarannya. Dengan bantuan rakan-rakan, seseorang murid boleh membuat refleksi kendiri, menilai, dan memperbaharui tahap pembelajarannya. Kemahiran belajar cara belajar menjadi sangat penting terutamanya dalam keadaan persaingan peluang-peluang pendidikan yang semakin hebat, jaringan pengetahuan yang pelbagai dan keperluan mencapai matlamat pendidikan untuk belajar seumur hidup.

### **1.5.2 Proses meningkatkan kemahiran belajar cara belajar**

Seseorang murid perlu disedarkan mengenai:

- i. Kemahiran belajar meliputi kemahiran mendengar, membaca, menulis, dan kemahiran mencatat nota
- ii. Kemahiran memperoleh maklumat terdiri daripada kemahiran membuat rujukan di perpustakaan, kemahiran penyelidikan, kemahiran komunikasi, dan penyampaian
- iii. Kemahiran membuat rujukan daripada pelbagai bahan seperti buku, ensiklopedia, kamus, jurnal, dan sebagainya
- iv. Kemahiran mencari maklumat berbantuan komputer kemudahan aplikasi internet, misalnya:
  - Infoseek (<http://www.go.com>)
  - Yahoo (<http://www.yahoo.com>)
  - Google (<http://www.google.com>)

v. Kemahiran belajar juga melibatkan beberapa kemahiran lain seperti mendengar dengan berkesan; membaca secara luncuran, imbasan, intensif, membaca laju; mencatat nota; menulis laporan dan menulis cepat; dan mengingat.

#### 1.5.3 Strategi metakognisi

Strategi metakognisi merupakan kebolehan mengetahui apa yang kita ketahui dan yang tidak kita ketahui. Melaluianya aspek kesedaran mengenai sesuatu yang diketahui dan apa yang tidak diketahui dapat ditingkatkan. Proses berfikir dan pembelajaran boleh berlaku dengan mudah. Apabila kesedaran ini wujud, seseorang dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau, dan menilai apa yang dipelajari.

#### 1.5.4 Pengurusan masa

Pengurusan masa meliputi kemahiran membina dan menyusun jadual waktu. Pengurusan masa yang baik dapat mendisiplinkan diri murid melaksanakan aktiviti pembelajaran.

#### 1.5.5 Gaya pembelajaran

Gaya pembelajaran merupakan cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Murid perlu mengetahui kepelbagaiannya gaya pembelajaran supaya mereka dapat mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai untuk diri mereka.

#### 1.5.6 Persediaan menghadapi peperiksaan

Persediaan menghadapi peperiksaan meliputi usaha memotivasi murid supaya tekun belajar, membantu murid untuk memberi tumpuan kepada pelajaran, menggalakkan murid agar berminat dengan kerja sekolah, mengajar murid teknik belajar yang betul, cara mengulang kaji, dan mengambil nota yang betul.

#### Aktiviti

Berdasarkan hasil pembelajaran 6.4 dan 6.5, huraikan kemahiran membaca luncuran dan kemahiran membaca secara imbasan.

### 1.1 Sinopsis

Tajuk ini akan menghuraikan konsep kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dan kecerdasan pelbagai sebagai salah satu komponen kemahiran bernali tambah dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Perbincangan dan aktiviti disediakan untuk memantapkan pemahaman anda mengenai tajuk ini.

### 1.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Menghuraikan konsep kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dan kemahiran kecerdasan pelbagai.
- ii. Menjelaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
- iii. Mengaplikasikan kemahiran kecerdasan pelbagai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan sebenar.

### 1.3 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

#### 1.3.1 Definisi TMK

Penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran bermaksud menggunakan TMK secara befikrah, terancang, dan bersesuaian untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

#### 1.3.2 Pengaplikasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran

Pengaplikasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran boleh diintegrasikan secara:

- i. Integrasi TMK dalam pembelajaran tutorial

Integrasi ini bertujuan untuk menyampaikan kandungan pelajaran dengan lebih komprehensif dan efisien, contohnya dalam bentuk CD-ROM, cakera keras, dan tapak pembelajaran. Aplikasi ini lebih berfokuskan kepada pembelajaran secara kendiri.

ii. Integrasi TMK dalam pembelajaran eksploratori

Kemudahan TMK digunakan sebagai medium untuk pembelajaran penerokaan, mencari, dan mengakses maklumat daripada CD-ROM, Internet, portal maklumat, dan tapak pembelajaran. Dalam pembelajaran secara penerokaan ini, murid boleh mengawal dan menentukan maklumat yang mereka terima melalui TMK. Hal ini berbeza dengan pembelajaran tutorial; murid hanya menerima bahan pelajaran yang dikawal oleh sistem.

iii. Integrasi TMK sebagai alat aplikasi

TMK digunakan sebagai alat aplikasi untuk membantu murid melaksanakan tugas pembelajaran, bukan sebagai mekanisme penyaluran maklumat pengajaran dan pembelajaran.

iv. Integrasi TMK sebagai alat pemudah komunikasi


TMK digunakan sebagai alat pemudah komunikasi antara murid dan guru di lokasi yang berbeza tetapi saling berinteraksi, menghantar, menerima, dan berkongsi maklumat seperti dalam bentuk teks, bahan grafik, audio, emel, telefaks, dan lain-lain. Murid boleh bertukar maklumat sesama sendiri bagi menganalisis dan membuat perbandingan dengan pengalaman dan maklumat yang mereka peroleh. Menerusi pembelajaran seperti, murid dapat membina pengalaman yang lebih menarik, bermakna, dan berkesan.

## 1.4 Kemahiran kecerdasan pelbagai

### 1.4.1 Definisi kecerdasan pelbagai (KP)

Kecerdasan pelbagai ialah kebolehan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan sebenar, kebolehan menjana masalah baharu untuk diselesaikan, dan kebolehan membuat sesuatu atau menawarkan perkhidmatan yang bernilai dalam lingkungan sesuatu budaya.

#### **1.4.2 Jenis-jenis Kecerdasan Pelbagai**



*Rajah 1: Jenis-jenis Kecerdasan Pelbagai (Howard Gardner)*

#### **1.4.3 Tujuan Mengaplikasikan Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

- i. Meningkatkan pemikiran yang lebih mendalam
- ii. Memperoleh pelbagai perspektif mengenai sesuatu perkara
- iii. Mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada dalam situasi dan konteks yang baharu dan berlainan

#### **1.4.4 Contoh Pengintegrasian Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

- i. Verbal-Linguistik

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi menggunakan bahasa lisan (pidato, ceramah, perbahasan), bacaan (buku, surat khabar, majalah), dan penulisan (puisi, laporan, minit mesyuarat).

ii. Logik-Matematik

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi memasukkan nombor, pengiraan, pengelasan atau menggalakkan pemikiran kritis.

iii. Visual-Ruang

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi peta minda, garis, visualisasi, warna, seni, metafora atau lain-lain borang pengurusan grafik.

iv. Kinestetik

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pengalaman pergerakan seluruh badan atau aktiviti '*'hands-on'*' (latihan amali, penyiasatan, kajian luar).

v. Muzik

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi penggunaan muzik, bunyi-bunyian persekitaran atau unsur ritma dan melodi.

vi. Interpersonal

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid dalam perkongsian rakan sebaya, pembelajaran korporatif dan kolaboratif atau simulasi kumpulan, lawatan, amali, dan kerja lapangan.

vii. Intrapersonal

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pilihan kepada murid merangsang perasaan kendiri (menulis, jurnal, diari, membuat refleksi, penilaian kendiri).

viii. Naturalis

Merancang dan menyediakan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penggunaan flora dan fauna, awan, sungai, gunung (alam semula jadi) ke dalam bilik darjah atau membawa murid ke luar ke alam semula jadi, lawatan, amali, dan kerja lapangan.

**Aktiviti**

Anda ingin mengajarkan hasil pembelajaran 10.1, iaitu menghasilkan pelbagai genre (prosa dan puisi) termasuk e-mel yang mudah, menarik, dan bermakna. Berdasarkan komponen dalam kemahiran TMK dan Kecerdasan Pelbagai yang sesuai, binalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

**1.1 Sinopsis**

Tajuk ini akan membincangkan aspek konstruktivisme dan kontekstual dalam Kemahiran Bernilai Tambah .KBT mengutamakan pengalaman di dalam bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan sebenar murid serta senario dunia global. Sehubungan dengan itu, kurikulum Bahasa Melayu menyepadukan kemahiran lain agar memenuhi keperluan semasa pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernalih tambah yang akan dibincangkan dalam tajuk akan memberikan tumpuan khusus kepada spek Kemahiran Konstruktivisme dan Kontekstual dalam P&P Bahasa Melayu sekolah rendah.

**1.2 Hasil Pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Menghuraikan aspek-aspek dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh dikaitkan dengan Pembelajaran Konstruktivisme dan Pembelajaran Kontekstual.
- ii. Mengaplikasikan Pembelajaran Konstruktivisme dan Pembelajaran Kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran.

**1.3 Pembelajaran Konstruktivisme****1.3.1 Definisi Pembelajaran Konstruktivisme**

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

### **1.3.2 Ciri-ciri Pembelajaran Konstruktivisme**

Ciri-ciri pembelajaran konstruktivisme ialah:

- i. Menggalakkan soalan/ idea yang dimulakan oleh pelajar dan menggunakan sebagai panduan merancang pengajaran
- ii. Menggalakkan pelajar bertanya dan berdialog dengan pelajar dan guru
- iii. Menganggap pembelajaran sebagai satu proses yang sama penting dengan hasil pembelajaran
- iv. Menyokong pembelajaran secara koperatif
- v. Menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi pelajar
- vi. Memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baharu dengan memahaminya melalui penglibatan mereka dengan situasi dunia yang sebenar
- vii. Menggalakkan proses inkuiiri penemuan
- viii. Mengenal pasti perubahan sikap pelajar

### **1.3.3 Kelebihan Pembelajaran Konstruktivisme**

Kelebihan pembelajaran konstruktivisme yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

#### **i. Berfikir**

Dalam proses membina pengetahuan baharu, pelajar akan berfikir untuk menyelesaikan masalah, menjana idea, dan membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi pelbagai kemungkinan dan cabaran. Sebagai contoh, pengetahuan boleh dicapai melalui aktiviti penyelidikan dan penyiasatan seperti mengenal pasti masalah, mengumpul maklumat, memproses data, membuat interpretasi, dan membuat kesimpulan.

#### **ii. Faham**

Kefahaman pelajar tentang sesuatu konsep dan idea akan lebih jelas apabila mereka terlibat secara langsung dalam pembinaan pengetahuan baharu. Seseorang pelajar yang memahami apa yang dipelajari akan dapat mengaplikasikan pengetahuan yang baharu dalam kehidupan dan situasi baharu.

**iii. Ingat**

Setelah memahami sesuatu konsep, pelajar akan dapat mengingati lebih lama konsep tersebut kerana mereka terlibat secara aktif dalam mengaitkan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu.

**iv. Yakin**

Pelajar yang belajar secara konstruktivisme diberi peluang untuk membina sendiri pemahaman mereka tentang sesuatu perkara. Hal ini menjadikan mereka lebih yakin kepada diri sendiri dan berani menghadapi cabaran serta menyelesaikan masalah dalam situasi baharu.

**v. Kemahiran Sosial**


Pelajar yang berkemahiran sosial boleh bekerjasama dengan orang lain dalam menghadapi sebarang cabaran dan masalah. Kemahiran sosial ini diperoleh apabila pelajar berinteraksi dengan rakan-rakan dan guru dalam membina pengetahuan mereka.

**vi. Seronok**

Dalam pembelajaran secara konstruktivisme, pelajar membina sendiri pengetahuan, konsep, dan idea secara aktif. Hal ini menjadikan mereka lebih faham, lebih yakin, dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat walaupun menghadapi pelbagai kemungkinan dan cabaran.

#### 1.3.4 Langkah-langkah Pembelajaran Konstruktivisme

Langkah-langkah pembelajaran konstruktivisme dapat ditunjukkan menerusi carta alir berikut:



Rajah 1: Langkah-langkah Pembelajaran Konstruktivisme

#### Aktiviti

Yang kurik itu kundi,  
Yang merah itu saga;  
Yang baik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.

Berdasarkan pembelajaran konstruktivisme, berikan rasional mengapa buah saga dihubungkaitkan dengan budi bahasa seperti yang tertera dalam pantun di atas.

## **1.4 Pembelajaran Kontekstual**

### **1.4.1 Definisi Pembelajaran Kontekstual**

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkret, serta melibatkan latih amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanannya pembelajaran dengan kehidupan mereka.

### **1.4.2 Perkara yang Boleh Dicapai Melalui Pembelajaran Kontekstual**

Melalui pembelajaran kontekstual ini, murid boleh:


- i. Membina keyakinan diri
- ii. Memahami perhubungan antara teori dengan amalan
- iii. Membina pendekatan kerja kumpulan untuk menyelesaikan masalah
- iv. Memperoleh sokongan dan dorongan daripada ibu bapa kerana mereka terlibat secara langsung dalam pembelajaran anak-anak mereka
- v. Membina asas kukuh untuk melahirkan tenaga mahir sebagai modal insan generasi masa depan.

### **1.4.3 Proses Pembelajaran Kontekstual**

Dalam pembelajaran kontekstual, pengajaran dan pembelajaran perlu melalui empat proses iaitu proses motivasi, pemahaman, aplikasi, dan imbas kembali. Kemahiran melakukan latih amal (hands-on) dan berfikir (minds-on) merupakan asas pembelajaran kontekstual. Paduan kedua-dua kemahiran ini akan mendorong naluri ingin tahu murid dan menjadikan pembelajaran suatu aktiviti kepada mereka.

#### 1.4.4 kaedah Pembelajaran Kontekstual

Kaedah pembelajaran kontekstual adalah seperti yang berikut:



Rajah 2: Kaedah Pembelajaran Kontekstual

#### Aktiviti

Dengan menggunakan pembelajaran kontekstual, bimbinglah murid-murid menulis karangan jenis naratif bertajuk “Sambutan Hari Kemerdekaan di Sekolah Saya”.

### 1.1 Sipnosis

Topik ini membincangkan konsep utama kajian masa depan, bagaimana merancang dan mengaplikasikan kajian masa depan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menyediakan pelajar menghadapi cabaran dan perubahan masa kini dan pada akan datang.

### 1.2 Hasil pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Memahami konsep utama kajian masa depan.
- ii. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran kajian masa depan
- iii. Mengaplikasikan kajian masa depan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

### 1.3 Konsep Kajian Masa Depan (KMD)

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan mada depan. Ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

Pengajaran berasaskan KMD merupakan strategi secara saintifik yang dibina untuk menambahkan keupayaan murid dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan. KMD dapat dianalogikan seperti kita yang sedang memandu kereta. Sepanjang pemanduan itu, kita sering dikejutkan dengan perkara-perkara yang tidak dijangka. Sebagai contoh, ketika sedang memandu, tiba-tiba seorang kanak-kanak melintas di hadapan kereta kita. Oleh itu, sepanjang pemanduan, kita haruslah peka dan sentiasa berwaspada. Masa depan sangat dinamik kerana sentiasa berubah. Masalah yang berlaku pada masa depan lazimnya kompleks dan penyelesaiannya bersifat global. Walau bagaimanapun, KMD lebih berciri saintifik kerana dapat diuji, boleh diulangi, dan dapat diramal.

## **1.4 Rasional Pengajaran Kajian Masa Depan**

Pembelajaran berdasarkan KMD diperkenalkan untuk mendidik generasi baharu supaya menghadapi cabaran dan perubahan. Pembelajaran berdasarkan KMD merupakan strategi secara saintifik yang dibina untuk menambahkan keupayaan pelajar dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan untuk menghasilkan generasi masa depan yang berkeyakinan, berupaya, dan bertanggungjawab. KMD yang dilaksanakan dalam penajaran dan pembelajaran akan:

### **i. Membina generasi masa depan**

KMD memberi kesedaran dan merangsang murid berfikir tentang isu, masalah, dan peluang yang bakal dihadapi. Keadaan ini akan membolehkan mereka memandang masa depan dengan yakin dan optimis serta mengambil bahagian dalam merancang masa depan mereka.

### **ii. Menghasilkan tenaga manusia yang berfikir**

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menghasilkan tenaga manusia yang dapat berfikir tentang masa depan. Selain daripada itu, mereka seharusnya berfikir untuk menggambarkan serta menjangkakan masalah yang bakal timbul.

### **iii. Menjangka masalah dan membuat pilihan yang baik**

Pelajar juga dapat mencari alternatif dan pilihan ke arah masa depan yang lebih baik.

### **iv. Membawa anjakan paradigma**

Pelajar akan membawa anjakan paradigma terhadap budaya belajar yang berdasarkan pengetahuan dan ingatan semata-mata budaya berfikir.

## **1.5 Objektif Kajian Masa Depan**

Berikut adalah objektif pelaksanaan KMD:

### **i. Berfikir secara kritis dan kreatif serta membuat keputusan tentang hal-hal masa depan**

KMD boleh membina minda suka bertanya dan kemahiran intelek yang dapat membantu pelajar berfikir secara kreatif, terarah, analitis, dan reflektif tentang keseluruhan hidup manusia dan proses meneroka alternatif dan pilihan.

**ii. Berkomunikasi secara berkesan tentang hal-hal masa depan**

KMD juga membantu pelajar memberi sumbangan ke arah kesejahteraan dan kebaikan dunia dan membina strategi menambah keupayaan pelajar dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran hidup.

**iii. Membina sikap dan nilai tentang masa depan**

KMD akan membina keyakinan pelajar supaya mereka mampu mengawal diri, boleh membuat pilihan berdasarkan etika, dan nilai moral serta berupaya mempengaruhi masa depan mereka.

**iv. Mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang kajian masa depan**

KMD memberi asas kepada pelajar memahami dan menghayati Wawasan 2020 dan memantapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan, konsep, kemahiran, dan kaedah dalam mengkaji masa depan.

**v. Membuat kajian dan mengurus maklumat tentang hal-hal masa depan**

Pelajar digalakkan menjadi warganegara yang lebih bertangungjawab, tahu membeza dan menilai, berketrampilan, dan mempunyai gambaran jelas tentang masa depan.

## **1.6 Strategi Kajian Masa Depan**

Pelajar menggunakan pemikiran kritis dan kreatif untuk meninjau perubahan keadaan daripada masa lalu sehingga ke masa kini dan meramalkan keadaan pada masa hadapan. Pedagogi ini berpusatkan pelajar dan menggabungjalinkan pelbagai bidang seperti pendidikan moral, pendidikan alam sekitar, sejarah. Nilai murni seperti ini bertangungjawab dan bekerjasama dipupuk melalui kaedah ini.

**Aktiviti**

Berdasarkan hasil pembelajaran 6.6 iaitu membaca dan membuat ramalan berdasarkan sesuatu cerita atau maklumat yang diberikan, bina aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan KMD.

### 1.1 Sinopsis


Topik ini membincangkan tentang sistem bahasa yang merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan, dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa.

### 1.2 Hasil Pembelajaran

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- i. Memahami sistem bahasa yang terdapat dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu KBSR.

### 1.3 Sistem Bahasa dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSR 2003



Rajah 1: Sistem Bahasa dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSR

*Nota: Bagi aspek tatabahasa, sila rujuk Tatabahasa Dewan.*

**Aktiviti**

Pilih dua hasil pembelajaran yang berfokuskan sistem bahasa. Bina aktiviti yang menjurus kepada penggabungjalinan antara kemahiran bahasa tersebut, sistem bahasa, dan bahan bantu mengajar.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (2006). "Penyerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu" dalam *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu: Kemahiran bernilai Tambah*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Abdullah Hassan. (1987). *Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2004). *Tuntunan Bahasa: Asas Pegangan Pelajar*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). *Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Rendah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum (Tahun 1 – Tahun 6)
- Kamarudin Hj. Hussin dan Siti Hajar Hj. Abd. Aziz (1998). *Pengajian Melayu 5 dan 6* (Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum
- Nik Safiah Karim et. al. (2006). *Tatabahasa Dewan Edisi Semakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Hj. Sabran ( 1985 ). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

**PANEL PENGGUBALAN MODUL  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PPG)  
(BAHASA MELAYU PENDIDIKAN RENDAH)**

NAMA	KELAYAKAN
<b>CIK HAJAH HAMIDAH BINTI ABD HAMID</b>  Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai Kuala Lumpur (Oktober 2002 hingga kini) Pensyarah Institut Perguruan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak (1992 – 2002) E-mel: hamidahibmm@gmail.com	<b>Kelulusan:</b> Sarjana Pendidikan Universiti Malaya B.A. (Hons.) Universiti Malaya Dip.Pendidikan, UM <b>Pengalaman:</b> Guru Bahasa Melayu (4 tahun) Pegawai Kurikulum di Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (6 tahun) Pensyarah di IPG (sejak 1992 hingga kini) Munsyi Dewan (sejak 1996 hingga kini)
<b>PUAN SARIMAH BINTI HAJI AWANG</b>  Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai Kuala Lumpur  E-mel: intan5169@yahoo.com	<b>Kelulusan:</b> Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Penerbitan) UiTM Kursus Diploma Lepas Ijazah (Bahasa Melayu / Kesusastraan Melayu)  <b>Pengalaman:</b> Guru Bahasa Melayu (SM) (10 tahun) Pensyarah di IPG (6 tahun)
<b>PN. AMINAH BT. OTHMAN</b>  Pensyarah, IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur	<b>Kelulusan:</b> B.Litt.Hons.(Linguistik/Sastera) UKM Diploma Pendidikan UKM  <b>Pengalaman:</b> Pensyarah Pengajian Melayu (18 tahun) Guru Sekolah Menengah (10 tahun)

NAMA	KELAYAKAN
<b>EN. NORDIN BIN SHAARI</b> Pensyarah, Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Dato' Razali Ismail, 21030 Kuala Terengganu.	<b>Kelulusan:</b> M.Ed. ( Psikologi Pendidikan ) USM Sarjana Muda Pengajian Melayu ( Bahasa Melayu / Sosio-Budaya Melayu ) UM Sijil Perguruan ( Pengajian Melayu) MPKB  <b>Pengalaman:</b> Pensyarah Pengajian Melayu ( 3 tahun) Guru Bahasa Melayu ( 26 tahun)
<b>PENYELARAS:</b>  <b>HAYATI BINTI MAT YUSOF</b> Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pelajaran Malaysia	<b>Kelulusan:</b> M.A (Pengajian Melayu) UM B.A Hons (Pengajian Melayu) UM Sijil Perguruan (Pengajian Melayu & Sejarah)  <b>Pengalaman:</b> Penolong Pengarah (2 tahun) Pensyarah Pengajian Melayu (5 tahun) Guru Bahasa Melayu (8 tahun)